

Kepentingan Sejarah Kepada Manusia dan Negara

MUHD. YUSUF IBRAHIM

KESEDARAN TENTANG FUNGSI SEJARAH

Daripada beberapa takrif dan pengertian tentang sejarah nyatalah bahawa sejarah memang sangat berkait rapat dengan manusia dan segala kegiatan kehidupannya pada suatu jangkawaktu yang telah berlaku. Akibatnya manusia itu sendiri memang sangat perihatin terhadap sejarah. Manusia bersikap perihatin kerana menyedari bahawa sejarah mempunyai kepentingan dan fungsi dalam kehidupan mereka. Ertinya, sejarah mempunyai peranannya yang tersendiri di dalam proses pergerakan sejarah manusia itu. Mereka memang menyedari hakikat ini. Dan kesedaran itu bukan sahaja dilambangkan pada sikap perihatin tetapi juga pada penghasilan karya-karya pensejarahan masing-masing. Dengan kata lain kedua-dua hal ini menggambarkan kesedaran sejarah yang wujud pada sesebuah masyarakat dalam suatu jangkawaktunya terutamanya dari segi fungsinya.

MANUSIA TERTARIK TERHADAP MASA LALU

Kedua-dua hal ini juga jelas menunjukkan betapa manusia memang sentiasa tertarik untuk mendampingkan diri mereka dengan masa yang telah lalu, ataupun dengan sejarah. Mengapa? Samada secara disedari ataupun tidak, mereka sentiasa menganggap masa lalu itu sebagai sesuatu yang berguna kepada mereka. Ertinya sejarah itu mempunyai kegunaan bagi manusia. Seseorang insan misalnya, apabila umurnya sudah mencapai sesuatu tahap yang tertentu, maka bererti ia sudah mempunyai beberapa banyak pengalaman yang berupa asam garam hidupnya. Sejumlah pengalamannya itu pula perlu diingatnya, malah bagi yang agak rajin sedikit, ada pula yang telah dicatatkannya di dalam buku hariannya. Sedikit sebanyak setiap yang diingat dan juga yang dicatatkannya itu adalah merupakan pengetahuannya mengenai masa lalu sendiri. Dan apabila insan itu menyedari tentang masa lalunya, yakni pengalaman hidupnya yang mungkin terdiri dari berbagai-bagai peristiwa manis dan pahit, maka bukan sahaja akan timbul kebanggaannya sebagai seorang insan yang mempunyai harga diri, malah akan timbul pula kecenderungannya untuk mengkaji serta mengekalkan sekumpulan pengalaman masa lalu itu sekurang-kurangnya sebagai kenangan hidupnya kalau pun tidak

untuk teladan bagi masa hadapan buat dirinya dan orang-orang yang dikasihinya. Seseorang insan itu juga tertarik mendampingi dirinya dengan pengalaman hidupnya kerana pengetahuan mengenai masa lalu yang akan didapatinya itu membolehkan ia mengenal dirinya, dalam erti kata ia boleh mengetahui akan kesukaannya, egonya, kebenciannya malah mitosnya.¹

Seseorang insan itu juga tertarik kepada masa lalu itu kerana kehidupan yang pernah dialaminya, yang pernah dirasainya dan mungkin dipenuhi dengan segala macam pancaroba, rintangan dan cubaan. Seandainya kehidupan masa lalunya itu penuh dengan kepahitan dan kegagalan, maka segalanya itu akan dikenangnya demi buat teladan pada masa yang akan datang ataupun semata-mata sebagai kenangan yang pahit sahaja. Begitu jugalah sebaliknya, yakni sekiranya kehidupan masa lalunya itu penuh dengan kejayaan yang gemilang serta kesenangan, maka kemungkinannya ialah ia akan mengenangnya dengan rasa kegembiraan dan kesyukuran (bagi yang mahu bersyukur) ataupun mungkin dengan penuh keselan kerana perubahan yang telah berlaku yang menyebabkan kehidupannya sekarang sangat jauh berbeza dari masa yang telah lepas. Dalam semua ini, timbulnya minat yang boleh dikatakan spontan untuk mendampingi dan mengetahui masa lalunya itu adalah disebabkan, antara lainnya, oleh faktor pengawal yang sangat peribadi, seperti emosi, perasaan, kehendak dan juga kepentingan samada untuk masa depan mahupun semasa. Dia memerlukan masa lalu demi untuk mendapatkan kepuasan yang mendalam bagi emosi dan perasaannya. Lagipun, bagaimanakah caranya ia boleh melupakan pengalaman masa lalunya itu, sedangkan ia sendiri adalah merupakan lanjutan daripada pengalaman tersebut?

Oleh itu, seorang insan itu sentiasa tertarik dengan masa lalunya, ataupun sejarahnya. Sejarah memang mempunyai kegunaan, malah nilai tertentu, dalam kehidupannya sebagai manusia. Sedikit sebanyak kita dapat melihat bahawa sejarah itu suatu proses yang bersambungan; kita dapat merasakan bahawa sesuatu peristiwa yang kita hadapi pada hari ini merupakan sebahagian daripada peristiwa semalam dan kemungkinan besar pula akan menunjang menjadi sebahagian daripada peristiwa yang akan berlaku pada masa yang akan datang. Sungguhpun ini hanya merupakan teori sahaja, dan bukan merupakan sesuatu yang *mesti* demikian, ia mempunyai sedikit sebanyak kebenarannya jika seseorang itu memerhati dan menyelidikinya. Misalnya, hakikat seseorang itu telah mencapai sesuatu kedudukan yang tinggi di dalam masyarakat ataupun institusinya, ataupun menjadi seorang guru yang baik, pada hari ini, adalah pada sebahagiannya merupakan lanjutan dan akibat dari sejarah kehidupannya pada masa yang telah lalu. Besar kemungkinannya pada masa yang terlalu lalu ia telah belajar dan berusaha dengan gigih sehingga ia berjaya mencapai suatu kedudukan yang tinggi dan dihormati di bidang keilmuan dan juga di dalam masyarakatnya di samping menerima pendapatan yang lumayan. Dalam hal ini jelas bahawa usaha yang berterusan itulah yang merupakan unsur pendorong yang utama yang membawa kejayaan yang bukannya nasib yang muncul

dengan tidak semena-mena. Dalam erti kata yang lain, penerusan itu wujud serta dapat pula dikesan. Begitu juga halnya tentang amalan kebanyakan orang makan nasi dengan berlaukan ikan yang digulai, atau digoreng dengan menggaulkannya dengan garam dan kunyit terlebih dahulu, ataupun mencampurkan berbagai rempah di dalam masakan pada makanan atau makan dengan cara menyuap dengan tangan, juga sebahagian daripada lanjutan dan akibat dari sejarah mereka jua. Malah amalan kita tentang waktu makan tengahari dan makan malam dan sebahagiannya lanjutan dan akibat dari masa lalu jua. Oleh yang demikian, untuk hidup dan terus hidup, manusia terpaksa merujuk kepada masa yang telah lalu sebab hanya dengan berbuat demikian maka manusia akanmendapat suatu asas ataupun tapak darimana mereka boleh bergerak menghadapi cabaran dan krisis masa sezamannya, dan mungkin juga masa depannya, dengan penuh keyakinan kepada dirinya sendiri. Seperti kata Arthur Marwick, “ ... masyarakat manusia memang memerlukan sejarah, masyarakat kita yang canggih hari ini memerlukan banyak sejarah. Kita semua sentiasa memandang kepada sejarah, sentiasa membuat pengadilan-pengadilan sejarah...”²

SEBAGAI SUMBER ABSTRAK DAN NYATA

Dengan itu masa lalu itu merupakan sumber abstrak dan juga nyata bagi manusia untuk menjalani kehidupan yang bererti lagi berkeyakinan. Kerap kali pula ia dapat berusaha menentukan cara hidup akan datang. Kita katakan sebagai sumber abstarak kerana mustahil bagi kita menghidupkan kembali dari segi jasadnya akan peristiwa yang telah berlaku itu. Tambahan lagi, apa yang dapat kita ketahui, tetapi tidak pula dapat dihidupkan itu, tidaklah merupakan keseluruhan peristiwa yang telah berlaku dahulu. Kita mungkin pernah menyaksikannya, akan tetapi apabila kita mengingatkannya kembali, kita tidak dapat mengingat serta menghidupkan kembali keseluruhan peristiwa yang telah kita saksikan itu. Ia juga merupakan sumber abstrak kerana setengah-setengah daripada kita gagal memahaminya sungguhpun kita memerlukannya. Dan peristiwa yang telah berlaku itu sendiri kini telah berlaku dan masuk ke alam ghaib yang tidak dapat kita kawal.

Kita katakan pula ia sebagai sumber yang nyata kerana kita dapat membentuknya atau menggambarkannya kembali walaupun tidak sepenuhnya dan walaupun ia tidak nyata seperti asalnya lagi. Kejadian itu sendiri, yang kita cuba untuk wujudkan kembali, walau kecil sekalipun, sebenarnya pernah berlaku pada kita ataupun pada orang lain pada suatu ketika dahulu dan kesannya masih ada samada pada tubuh, jiwa mahupun ingatan ataupun pada benda-benda yang lain. Masa lalu itu, disamping sudah menjadi abstrak adalah nyata seperti nyatanya masa yang sedang dihadapi. Masa lalu itu adalah asas yang kukuh dan nyata bagi masa kini, dan masa kini pula adalah bayangan bagi masa yang akan datang. Masa lalu itu merupakan sumber yang nyata kerana

ia memang pernah berlaku dan boleh pula digambarkan semula sekadarnya. Ia boleh dirujuk bagi memahami masa kini dan merencanakan masa hadapan. Cuba kita timbulkan pula persoalan yang bertentangan dengan yang di atas, iaitu bagaimanakah keadaan seorang insan yang tidak mempunyai kehidupan pada masa yang lalu? Atau bagaimanakah keadaannya jika kita tiada mempunyai ingatan tentang masa-masa yang telah kita alami? Barangkali jawapan yang paling ketara bagi persoalan yang pertama ialah bahawa tiada manusia yang tiada mempunyai kehidupan masa lalunya. Dari segi akal dan pemikiran manusia biasa, ini adalah mustahil. Kehidupan adalah suatu proses evolusi; dari kecil menjelang dewasa dan seterusnya tua. Setiap insan akan mengalami proses biologis ini; oleh itu setiap insan mempunyai kehidupan masa lalunya. Bagaimanapun biasa juga kita mendengar kisah seseorang yang pernah mengalami kecederaan yang teruk sehingga menyebabkan ia kehilangan ingatannya. Ia lupa pada dirinya sendiri dan ia lupa bahawa ia pernah mengalami berbagai kisah kehidupan pada masa yang telah lalu. Akibatnya ia muncul sebagai seorang insan yang baru yang terpaksa menjalani hidup baru pula. Bagaimanapun, kisah seperti ini belumlah lagi dapat dianggap sebagai suatu contoh yang sempurna bagi menunjukkan bahawa seseorang insan itu telah lupa keseluruhan pengalaman hidupnya. Masih wujud cebisan-cebisan ingatannya dan, seperti lazimnya berlaku, atas gesaan orang lain ia akan mencuba mengingatkan sejarah kehidupannya. Setengah daripada pengetahuannya yang merupakan lanjutan dari masa lalu masih tetap kekal; misalnya, ia masih mempunyai pengetahuan untuk makan, cara makan, memilih jenis makanan dan juga untuk menyatakan sesuatu dalam konteks alam sekitarnya. Sesungguhnya, selagi ia masih siuman, maka sedikit sebanyak ingatannya terhadap masa lalu tetap masih ada. Katakanlah insan tersebut lupa semuanya, termasuklah pengetahuan yang penting seperti yang disebutkan di atas, maka bagaimanakah peluangnya untuk terus hidup sebagai seorang insan yang siuman dan waras fikirannya dan juga luas pandangannya? Ataupun sebagai insan yang bebas fikirannya? Dan lebih serius, bagaimanakah keadaannya sekiranya setiap insan yang merupakan sebahagian daripada masyarakat bagi sesebuah negara ataupun daerah sahaja, lupa kepada semua pengalaman mereka yang telah lalu? Kalau semalam ia memenuhi perutnya dengan nasi dan juga lauk-pauk yang sedah-sedap lantas mendapat kekuatan jasmani dan rohani, bagaimanakah pula ia mahu mencari kekuatan yang serupa pada hari ini? Ahli sains pemakanan, serta juga ilmu kejadian seperti Charles Darwin tentu mengatakan hakikat manusia makan ialah suatu yang semula jadi yang merupakan lahiran dan hasrat yang lazim. Memang benar, tetapi mengenai asal usul makanan, bila perlu makan, siapa yang mula-mula mencipta cara makan yang teratur samada dengan cara menyuap ataupun dengan menyudu, dan sebagainya, selain daripada sebahagian daripada sains juga sebahagian dari sejarah. Kita akan dapat memastikannya kalau kita memikirkannya dengan lebi mendalam. Namun jika diandaikan juga bahawa seseorang manusia itu memang telah lupa

keseluruhan masa lalunya, maka bererti ia telah kembali ke alam bayi semula. Sungguhpun jasmaninya menampakkan tubuh badan yang dewasa, namun psikologi dan mindanya adalah kosong. Ia terpaksa membinanya semula. Ia terpaksa menjalani proses pembentukan psikologi dan mindanya yang baru. Dengan kata lain jika segala usaha untuk mendapatkan semula himpunan pengalamannya yang telah lalu itu gagal, maka satu-satunya alternatif lain ialah mengadakan usaha mengumpul pengalaman-pengalaman baru bagi meneruskan kehidupan. Terlupa keseluruhan ingatan masa lalu menyebabkan keruntuhan keseluruhan ingatan itu, dan membawa kepada pembentukan ingatan-ingatan yang baru. Proses ini tidak boleh terputus. Jika terputus ia akan menyebabkan kepincangan.

Demikianlah juga hubungan sejarah dengan manusia. Ia sentiasa memerlukan masa lalunya, ataupun sejarahnya kerana masa lalu itu merupakan sebahagian daripada pengalaman dirinya jua. Setengah daripada masa lalu itu akan dilupakannya dan setengahnya pula akan diabadikannya. Ada sebab-sebab yang penting mengapa masa lalu itu tidak akan, dan tidak dapat, dilupakannya kesemuanya. Masa lalu itu adalah sejarahnya dan dia menganggap beberapa peristiwa yang penting yang telah berlaku kepada dirinya pada masa lalu sebagai peristiwa yang bersejarah. Dia telah hidup dan akan terus hidup dengan peristiwa tersebut yang semakin bertambah bila umumnya semakin bertambah. Dari segi itu, dia menjadi manusia *bersejarah* dalam erti kata ia hidup melalui pengalamannya dan menyedari tentang kepentingan pengalaman itu di dalam kehidupannya. Dan salah satu kepentingan yang sangat disedarinya tentang pengalamannya itu ialah bahawa pengalaman itu dapat dijadikan landasan bagi merangka kehidupan bagi masa-masa yang akan datang. Dalam hal ini sudah tentulah setiap insan yang siuman akan cuba merangka masa depan yang cemerlang. Sudah tentulah setiap insan yang berfikiran waras akan mengkehendaki kehidupan masa depan yang *bahagia*, yang barangkali tidak lagi menghadapi kekurangan dalam serba-serbinya. Kehendak yang merupakan harapan dan cita-cita ini menunjukkan perhubungan di antara masa lalu dengan masa kini dan seterusnya dengan masa yang akan datang.³

Orang yang kuat beragama pula, terutamanya agama-agama semawi, mempunyai konsep bahawa hidup keseluruhan manusia di alam fana ini merupakan proses yang mempunyai *permulaan* dan *penghabisan*. Sungguhpun tidak diketahui bilakah sebenarnya *permulaan* manusia wujud di dalam alam ini, akan tetapi persoalan ini sangat menarik sehingga ada para ulama Nasrani yang cuba mengiranya dan menetapkan tarikh *kelahiran* manusia ke dunia dan juga tarikh Tuhan menjadi dunia itu sendiri.⁴ Barangkali terdapat juga para ulama dan sejarawan Islam yang mencuba membuat kiraan ataupun telahan yang dianggap tepat bukan sahaja mengenai permulaan manusia itu malah tentang hari penghabisan ataupun kiamat. Bagaimanapun, permulaan dan kiamat di dalam jangka waktu kehidupan seluruh manusia dan sekalian makhluk yang lain, serta alam itu sendiri, merupakan dua khutub yang di perantaraannya

terkandung, bagi manusia misalnya, masa lalu, masa sezaman dan masa akan datang. Agama-agama tersebut, melalui kitab-kitab suci yang telah di wahyukan oleh Yang Maha Berkuasa, menekankan bahawa semua manusia akan mati atau dalam istilah kita, “meninggal dunia” dan segala yang hidup ini akan menerima pengadilan pada Hari Kiamat nanti.⁶ Oleh itu dunia ini sedang bergerak, hari demi hari, menuju Hari Kiamat itu, dan kematian seseorang insan itu hanyalah merupakan sebahagian daripada proses yang memenuhi pergerakan waktu untuk menuju hari yang akhir tadi. Dan di antara dua khubu tersebut, seperti yang telah disebutkan tadi, terkandung tiga jangkawaktu kehidupan bagi keseluruhan manusia itu sendiri. Semasa hidupnya, manusia yang waras fikirannya lazimnya akan memandang kepada masa hadapannya dengan harapan yang cemerlang. Apabila ia mempunyai harapan dan niat yang demikian, maka sedikit sebanyak ia sudah merujuk atau memandang kepada sejarah sebab hasratnya menghendaki masa depan yang cemerlang itu mungkin disebabkan oleh pengalaman dan keadaan hidupnya yang serba salah dan menderita pada masa-masa yang telah lalu. Dia sebenarnya sedang menghadapi beberapa masalah dan pancaroba yang menyebabkan ia bercita-cita tinggi bagi masa depannya. Masalah yang sedang berjuang di dalam dadanya itu adalah masalah yang dibawanya dari masa lalunya; misalnya penderitaan hidup dari segi ekonomi ataupun kegagalannya di dalam sesuatu usaha yang baik. Malah sekiranya sejarah hidupnya penuh dengan kemewahan sekalipun, maka ia akan juga bercita-cita tinggi bagi masa depannya kerana dengan demikian sahajalah maka corak kehidupannya yang seperti itu dapat dikekalkannya. Bagi seseorang yang pernah mengalami kepahitan hidup ataupun kegagalan yang menusuk kalbu, ataupun yang pernah rugi di dalam perniagaan dan sebagainya, maka mereka akan merancang masa depan itu dari segi untuk menebus kembali kerugian ataupun mengikis kepahitan yang pernah menimpa dirinya serta keluarganya pada suatu ketika dahulu. Dan sudah tentulah bagi yang pernah mewah mereka ingin mengekalkan kemewahan mereka.

Tetapi, hakikat ini mestilah dilihat dari segi kesedaran setiap insan itu tentang segala pengalaman serta juga kewarasan dan juga kekuatan azam serta cita-citanya. Ia mestilah menyedari akan kenyataan kehidupannya dan kemudian bertindak untuk mengatasinya. Adalah juga menjadi suatu kenyataan hidup bahawa tidak semua orang yang pernah gagal, ataupun yang serba kekurangan, dapat dan mahu bangun menebus kembali kedaifan hidupnya. Dan ada pula yang terus menjadi gila akibat gagal dalam percintaan; malah ramai yang menjadi kecewa dalam hidup akibat dari kegagalan di bidang yang sungguh menikam kalbu ini. Ada pula yang rela merenggut nyawanya sendiri akibat dari kegagalan di dalam perniagaan ataupun kerana terlalu banyak di kelilingi oleh hutang. Namun demikian, kejadian seperti ini merupakan kejadian yang terpencil dan seharusnya di anggap demikian. Sebagai kejadian yang terpencil ia merupakan kekecualian di dalam masyarakat dan bukanlah sesuatu yang merupakan hukum kemasyarakatan yang mesti akan berlaku. Pada

amnya, setiap anggota masyarakat, yang psikologinya tidak dirosakkan oleh penekanan penjajahan ataupun sistem politik tradisi yang beku, akan mempunyai daya usaha serta kekuatan untuk berjuang demi menebus kembali kekurangan dan juga kegagalannya pada masa yang telah lepas. Dalam hal ini masa lalu itu merupakan petunjuk bagi seseorang insan itu untuk mengendalikan masa yang sedang dihadapinya dengan penuh keyakian dan kekuatan. Dan seperti yang telah disebutkan terlebih dahulu tadi, dia juga akan menggunakan masa lalu itu sebagai petunjuk bagi merancang masa depan yang lebih bermakna dari masa lalu itu sendiri dan juga dari masa yang sedang dialaminya.

Jelaslah dengan ketiadaan masa lalu maka bererti *tiadalah* pula baginya zaman kini dan masa yang akan datang; iaitu mengikut kehendak dan juga perencanaan yang dirangkakannya. Akan terlaksanakah rancangannya itu? Ini tidak siapa yang akan dapat memberikan jawapan yang tepat. Risikonya tetap ada. Dan perencanaan manusia akan sentiasa pula tertakluk kepada kekuasaan, rahmat serta limpah dari Yang Mahu Berkuasa. Dialah yang sebenarnya berhak untuk menentukannya. Tetapi, sungguhpun demikian, insan juga dikehendaki agar berusaha supaya ia dapat mengubah nasibnya serta juga kaumnya. Oleh itu, sungguhpun manusia tidak berdaya untuk menentukan, tetapi ia boleh membuat rancangan yang bertujuan untuk memperbaiki keadaan kehidupannya sendiri dan juga kaum keluarganya mahupun bangsanya. Dan sejarah adalah merupakan landasan yang boleh digunakan untuk usaha yang sedemikian itu.

Sebagai bidang ilmu pula, kelulusan di bidang sejarah membolehkan seseorang itu memegang jawatan di bidang-bidang berkaitan, seperti di jurusan perhubungan diplomatik, dan juga jurusan akademik di pusat-pusat pengajian tinggi dan menjadi guru sejarah di sekolah-sekolah biasa. Dalam perkataan lain, kelulusan di dalam bidang tersebut boleh memberikan sesuatu profesyen kepada pemegangnya, iaitu profesyen yang sebenarnya memerlukan ilmu sejarah itu sebagai ilmu pengetahuan yang membolehkan beliau bertugas ataupun yang boleh membantunya dalam melaksanakan tugasnya dengan lebih baik.⁷

DARI SUDUT PSIKOLOGI DAN FALSAFAH

Kumpulan yang kedua pula ialah yang boleh kita lihat dari sudut psikologi dan falsafah. Dari sudut ini misalnya, sejarah itu diperlukan demi memenuhi tuntutan dan kehendak emosi yang mendalam sehingga E.H. Carr berani mengatakan, bagi orang-orang yang berfahaman sekular khususnya, ataupun bagi manusia moden, bahawa sejarah itu pada masa ini telah mengambilalih fungsi yang pada suatu ketika dahulu dilakukan oleh agama di dalam kehidupan mereka.⁸ Ini sudah tentulah tidak dapat diterima sepenuhnya oleh orang-orang yang kuat imannya, walaupun mereka pasti menerima bahawa sejarah itu memang mempunyai sesuatu fungsi yang keagamaan. Sejarah bukanlah saja merupakan falsafah yang memberikan pengajaran dengan contoh-contohnya,

tetapi sejarah itu sendiri adalah kumpulan masa lalu dan ilmu pengetahuan yang boleh menerangkan keadaan-keadaan yang sedang berlaku. Untuk memahami masa kini, kita harus memahami masa yang lalu. Lantas dengan pemahaman tersebut kita mengenal tentang keadaan serta kewujudan masa kini dan juga diri kita.

Malah lebih jauh dari itu; kita menyedari akan kewujudan diri kita serta alam persekitaran kita dengan segala pancarobanya, perkembangan dan perubahannya yang berlaku terus-menerus. Bagaimanakah pendirian kita terhadap pancaroba, perkembangan dan perubahan yang berlaku di sekeliling kita pada setiap waktu itu? Bagaimanakah kita akan menghadapi krisis atau kepentingan yang mungkin ditimbulkan oleh gejala-gejala tersebut? Mungkinkah kita akan *terhanyut berhanyut* sahaja dalam erti kata kita terpaksa mengikut akhir sahaja akan arus yang sedang melanda peribadi, keutuhan dan juga kepercayaan kita? Mungkinkah kita akan bersikap seperti bunga lalang yang akan meliuk mengikut tiupan angin? Ataupun mungkinkah kita akan mencari sesuatu dari kumpulan pengalaman dan masa lalu kita yang boleh kita gunakan untuk bertahan dari hanyut atau direntap oleh arus yang arahnya barangkali tidak dapat kita persetujui maupun oleh emosi dan perasaan sahaja? Rasanya tidaklah perlu dipanjangkan jawapan bagi persoalan tersebut. Cukuplah sekiranya dirumuskan bahawa dalam semua hal yang tersebut, sejarah mempunyai peranannya yang tersendiri samada secara langsung ataupun tidak langsung dalam menghadapi cabaran serta krisis yang timbul dan ditimbulkan.

Walau bagaimanapun, terdapat juga cerdik pandai, antaranya termasuklah beberapa orang sejarawan yang terbilang seperti R.G. Collingwood yang merasakan bahawa sejarah itu sebagai ilmu, ataupun pengkajian terhadap sejarah, tidaklah sepatutnya dikaitkan dengan kegunaannya; terutama sekali yang berbentuk utilitarian dan pragmatis tadi. Bagi mereka ini, sejarah tidaklah seharusnya, barangkali tidak boleh, menjadi suatu ilmu gunaan seperti halnya dengan ilmu perubatan dan sains gunaan. Sejarah haruslah dikaji demi sejarah itu sendiri, iaitu demi untuk mewujudkan kebenaran sesuatu peristiwa yang dikaji itu, dan bukan untuk sesuatu motif yang tertentu.⁹ Masa lalu itu dikaji sebagai masa lalu sahaja, tanpa mengaitkan dengan masa kini dan tanpa mengaitkannya pula dengan sesuatu tujuan moral ataupun utilitarian terhadapnya.

Sungguhpun demikian pandangan sekumpulan sejarawan itu sendiri, tidaklah bererti sejarah itu tidak berguna, apatah lagi kalau menganggapnya sebagai omong kosong belaka, seperti yang pernah disuarakan oleh seorang usahawan Amerika Syarikat yang terkenal pada tahun 1927 dahulu, iaitu Henry Ford.¹⁰ Barangkali salah satu sebab yang terbesar yang menyebabkan usahawan atau sejarawan seperti itu tidak mahu terlibat di dalam menonjolkan kegunaan sejarah itu ialah kerana kesedaran mereka bahawa sejarah itu boleh disalahgunakan dan ini boleh menimbulkan bahaya yang berupa politik, mahupun kemasyarakatan. Bagi mereka, tanpa penonjolan itu pun, sudah sekian banyaknya terdapat kejadian-kejadian di mana sejarah itu telah disalahgunakan

dan juga diselewengkan serta dipalsukan untuk mencapai tujuan yang tertentu oleh golongan mempunyai kepentingan tertentu pula. Penyelewengan dan pemalsuan terhadap sesuatu kebenaran sejarah itu adalah suatu perbuatan yang keji, malah pengecut dan kejam. Jika sekiranya sebab itu benar, maka mereka juga sebenarnya telah mengakui, walau secara membisu yang sejarah itu memang mempunyai kegunaan tertentu; samada ia merupakan guna yang sebenarnya ataupun salah guna, maka itu adalah sesuatu yang harus dipertimbangkan serta diputuskan oleh pengkaji itu sendiri. Sementara itu sejarah bukanlah semata-mata menyedarkan, menerang serta mengajar sahaja, iaitu seperti yang kita lihat dari kegunaannya tadi dan juga seperti yang diamalkan oleh beberapa peradaban dunia seperti Yunani dan Rumawi. Tetapi ia juga adalah sesuatu yang bergerak dan membiak bersama pengalaman, perkembangan dan pergerakan keseluruhan manusia itu.

KITARAN SEJARAH

Bagaimana pula keadaannya jika kita lihat kegunaan sejarah itu bagi sesebuah negara? Hakikatnya sesebuah negara juga memerlukan sejarah atau himpunan pengalaman masa lalunya untuk melaksana, melengkap serta melancarkan lagi pelbagai kegiatannya. Hakikat ini memang disedari oleh setiap negara yang bertamadun sejak zaman silam lagi hinggalah kini. Dalam zaman silam masyarakat Yunani purba misalnya, seperti yang pernah diceritakan oleh Herodotus, percaya bahawa sesebuah negara ataupun peradaban itu, sentiasa mengalami proses kitaran, bahawa sejarah itu adalah suatu gejala yang berulang-ulang, yakni sesuatu peristiwa itu berlaku berulang kali di dalam kitaran-kitaran yang silih berganti.¹¹ Hidup itu sendiri umpama roda. Seperti kelahiran dan kewujudan seorang insan, maka sesebuah negara juga dianggap mempunyai suatu titik kelahiran, kemudian berkembang sehingga kemuncak kejayaan atau keagungannya dan akhirnya mengalami keruntuhan. Perkembangan politik negara tersebut adalah merupakan gejala yang menyebabkan mereka mengambil pandangan serta merasakan bahawa dari satu masa ke satu masa terdapat peristiwa-peristiwa yang berlaku berulang-ulang, iaitu mempunyai ciri-ciri yang pada pandangan mereka adalah serupa di antara satu sama lain. Mereka melihat bahawa peristiwa yang pernah berlaku pada suatu masa dahulu boleh berlaku pula pada masa-masa yang berlainan; sama ada pada masa sezaman mahupun pada masa yang akan datang. Oleh itu mereka merasakan mungkin ada pengajaran yang dapat diambil dari sesuatu peristiwa itu. Seolah-olah sejarah ingin memberikan petunjuk kepada mereka. Lantas salah seorang sejarawan mereka yang terkenal, Tatu Dionysius, menganggap sejarah itu sebagai suatu "falsafah yang memberikan pengajaran melalui contoh-contoh."¹² Dalam erti kata yang lain, peristiwa yang berulang-ulang itu menunjukkan kepada mereka tentang tindak laku serta perbuatan mereka pada masa yang telah lalu dan juga perbuatan orang-orang yang terdahulu daripada mereka.

Oleh itu untuk mengelakkan daripada berlakunya peristiwa yang sama, yang mungkin membawa mudarat kepada mereka dan juga negara, maka haruslah mereka mempelajari akan sebab berlakunya peristiwa seperti itu. Manusia dan negara haruslah merujuk kepada sejarah untuk mendapat pengajaran.

Proses kitaran itu juga menunjukkan bahawa *hidup* sesebuah negara itu sentiasa beredar di dalam suatu pusingan yang tidak putus-putus; ia bermula, berkembang maju dan kemudian runtuh dan selepas itu bermula pula, barangkali dengan mewujudkan suatu sistem pemerintahan yang berlainan pula, tetapi tetap akan menjalani dan mengalami kitaran itu. Ia merupakan gejala yang bergerak di atas landasan sejarah itu sendiri dan setelah masa berlalu ia pula menjadi sejarah. Mungkin timbul persoalan, apakah yang sebenarnya berulang? Apakah sejarah yang berulang, ataupun negara yang berkenaan yang berulang? Bagaimana sesebuah negara boleh berulang sedangkan pada hakikatnya sebuah negara hanyalah satu bentuk kawasan fizikal yang boleh dikatakan statis keadaannya. Tentulah sejarah yang berulang!

KITARAN SEJARAH CHINA

Pandangan sejarah sebagai suatu kitaran ini juga dianuti oleh masyarakat Cina pada zaman kemaharajaan mereka dahulu.¹³ Bagaimanapun konsep mereka berlandaskan kepada falsafah politik kewangsaan mereka semata-mata. Mereka menganggap kitaran sejarah itu adalah suatu penggerak yang berlegar disekitar sistem politik kewangsaan sahaja. Setiap proses di dalam kitaran sejarah kewangsaan itu diterangkan melalui sebab-sebab yang seolah-olah sudah termaktub dan dapat diperhatikan serta dirasakan oleh setiap orang Cina yang sensitif terhadap perjalanan kerajaanya. Seolah-olah sejarah itu merupakan kitaran kewangsaan itu sahaja.¹⁴ Wujudnya sesebuah wangsa itu akan mengalami

SEJARAH BERULANG

Dalam merenungkan persoalan seperti itu, harus juga kita melihat sesebuah negara itu dari segi kandungannya dalam erti kata bahawa sesebuah negara itu suatu entiti yang mempunyai sistem politik, ekonomi, agama dan kerajaan serta juga yang lebih penting dari semua itu ialah penduduk yang menghuninya.¹⁵ Maka dari itu jugalah seharusnya kita melihat pergerakan sesebuah negara dan ulangan peristiwa yang berlaku di sepanjang sejarah kewujudannya. Bukan sahaja kita melihat seolah-olah ulangan itu berlaku di dalam jangkawaktu suatu sistem pemerintahan, seperti pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Syah Melaka misalnya, tetapi juga pada zaman pemerintahan yang seterusnya, yakni dari satu zaman ke satu zaman yang lain. Memang wujud suatu berterusan dan didalam lingkungan berterusan itu pula seolah-olah berlaku ulangan yang dapat disaksikan oleh pemerhati yang tajam pandangannya. Suatu contoh yang dapat dikemukakan ialah tentang sejarah Islam yang telah dimulakan oleh Nabi

Muhammad S.A.W. Semasa hidupnya baginda begitu gigih mendakwah untuk mengembangkan Islam sehingga akhirnya, dalam jangkamasa lebih kurang dua puluh tiga tahun, baginda telah berjaya mengislamkan keseluruhan Tanah Arab dan beberapa daerah yang berhampiran dengannya. Seterusnya setelah baginda wafat, Islam berkembang terus sehingga dapat menguasai Semenanjung Andalusia, Afrika Utara, Asia Kecil, Benua Kecil India, sebahagian besar Kepulauan Melayu dan beberapa daerah lain yang kini telah dikuasai oleh negara-negara lain. Islam juga berkembang merentas masuk ke negara-negara seperti China, Rusia dan Jepun. Kerap kali pula kedatangan Islam ke daerah-daerah yang baru itu, samada sebagai kuasa penakluk ataupun sebagai anutan sahaja, mendapat penerimaan yang baik dari penduduk tempatan kerana keadilan serta kesaksamaannya yang telah dibawanya dan dilaksanakan oleh pembawa-pembawanya. Misalnya di Greece, peringkat awal pemerintahan Islam di negara tersebut dianggap sebagai rahmat oleh orang tempatan yang kebanyakannya menganut agama Nasrani yang ortodoks sehingga timbul pepatah mereka yang berbunyi: 'pedang orang Turki itu lebih baik dari roti orang Frank' dan, 'serban orang Islam itu lebih baik dari topi orang Latin'.¹⁶

Perkembangan Islam itu telah mewujudkan pula pusat-pusat tamadun Islam seperti yang terdapat pada zaman Umayyah dan Zaman Abbasiyah. Di pusat-pusat tamadun tersebut berbagai ilmu pengetahuan berkembang pula dengan pesatnya. Berlakulah apa yang pada hari ini diistilahkan sebagai *kemajuan* di dalam sejarah Islam itu, sungguhpun konsep tersebut, seperti yang kita fahami pada hari ini, mungkin belum sepenuhnya difahami dan diamalkan lagi. Akan tetapi perkembangan yang berupa kemajuan itu tidak berlaku terus menerus dalam erti kata Islam mencapai kegemilangan demi kegemilangan. Dan pencapaian itu dapat dipertahankan serta dikekalkan dari satu zaman ke satu zaman hingga sampai bila-bila sekalipun. Dari segi pandangan orang Eropah, mereka menganggap Islam sudah mulai mengalami keruntuhannya sejak kurun ketujuh belas lagi. Pada ketika itu Empayar Uthmaniyah adalah sebuah Empayar Islam yang menguasai beberapa kawasan di Eropah Barat khususnya di sekitar Laut Mediterranean, termasuklah Greece, Asia Kecil dan Afrika Utara. Islam juga telah bertapak dengan kukuhnya di India.¹⁷

Tetapi, seperti kuasa-kuasa Eropah pada hari ini, pada kurun ketujuh belas Empayar Uthmaniyah merupakan sebuah empayar yang sedang sakit semakin hari semakin tenat keadaannya. Apa yang berlaku seterusnya ialah kuasa-kuasa Barat, termasuk Rusia, masing-masing menjalankan jarum mereka untuk menangguk di air yang keruh yang sedang menyelubungi empayar tersebut. Masing-masing ingin mendapatkan bahagian masing-masing sekiranya empayar tersebut hancur dan musnah nanti. Dalam pada itu negara-negara Islam yang lain juga telah dan sedang mengalami proses keruntuhannya. Satu demi satu negara tersebut menjadi lumpuh. Keruntuhan mereka itu bukanlah semata-mata disebabkan oleh kebangkitan kuasa-kuasa Barat yang telah dapat menandangi kekuatan kuasa Islam. Kemunculan kuasa-kuasa baru

itu,terutamannya kuasa dari Barat, yang kebetulan beragama Nasrani dan yang telah sekian lama pula ingin melihat berlakunya keruntuhan Islam, menimbulkan pula perlumbaan di kalangan mereka untuk masuk dan menguasai negara-negara Islam dan juga negara-negara lain yang mereka anggap lemah. Kemasukan mereka itu, di samping dengan niat untuk menghancurkan Islam, juga untuk meletakkan kekuasaan mereka di daerah-daerah yang mereka takluki dan berusaha pula mengkristiankan penduduk tempatan.¹⁸ Akibatnya negara-negara Islam yang dapat ditakluki itu menjadi porak-peranda dan orang Islam sendiri jatuh ke bawah pemerintahan orang bukan Islam yang, demi kepentingan pengekalan kekuasaan mereka, mengubah pula sistem pelajaran, perundangan serta perlembangaan di kebanyakan negara Islam yang mereka takluki. Dan perubahan ini hampir menyeluruh sehingga seolah-olah menyebabkan pupusnya harapan negara-negara Islam yang berkenaan dan juga penganutnya untuk bangun semula.¹⁹

Tetapi, walaupun demikian keadannya, penentangan terhadap kuasa-kuasa penjajah itu tetap wujud dan berterusan di sana sini. Dan menjelang awal kurun kedua puluh ini, kebangkitan semula negara-negara Islam dan juga umatnya melawan penguasaan kuasa-kuasa yang menjajah tanahair mereka sudah mula menampakkan benihnya. Seterusnya keadaan kebangkitan semula ini semakin nyata dan bersemarak setelah minyak petrol menjadi sumber tenaga utama yang boleh mengubah keadaan ekonomi, malah politik dunia, sedangkan sumber tersebut banyak didapati di negara-negara Islam serti Arab Saudi, Libya, Kuwait, Iran, Iraq, Qatar, Indonesia dan Malaysia. Maka wujudlah kembali rasa kekuatan di kalangan negara-negara Islam. Ilmu pengetahuan mereka, samada di bidang sains dan teknologi mahupun lain-lain, iaitu ilmu-ilmu yang pada suatu ketika dahulu merupakan baja dan santapan yang menyemarakkan peradaban mereka, telah pula bertambah dari satu ke satu hari. Mungkinkah sejarah keagungan Islam itu akan berulang kembali? Jika sekiranya dipadankan dengan pandangan orang Yunani, dalam keadaan seperti ini jelaslah bahawa sejarah itu sedang dan akan mengulangi peristiwanya. Tetapi pengulangan itu bukanlah bererti bahawa bentuk yang sama akan wujud semula; apa yang berulang ialah proses umum, ataupun keadaan umum seperti kelahiran ataupun kewujudan, perkembangan dan akhirnya keruntuhan. Apa yang berlaku selepas kewujudan ialah perkembangan dan seterusnya pula keruntuhan. Sebab-sebab berlakunya proses-proses tersebut boleh juga dianggap berulang yang menyebabkan berulangnya pula proses-proses itu. Pengulangan proses-proses yang umum itulah yang menyebabkan sejarah itu berguna kepada mereka.

Satu lagi contoh ialah tentang kebangkitan dan seterusnya keruntuhan kerajaan Maxist Rusia. Sebelum keruntuhannya berlaku pada T.M. 1990, ia adalah merupakan negara terbesar di dunia (dengan keluasan lebih kurang 22,402,000 km/segi = 8,649,000 b/segi). Ia mula muncul sebagai sebuah kerajaan Marxist yang berwibawa selepas revolusi T.M. 1917. Dengan usaha

pemimpin-pemimpin mereka seperti Lenin dan Stalin, Rusia telah beruapa menjadi kuasa besar selepas Perang Dunia Kedua (1945). Taraf seperti ini dapat dikekalkannya sehingga bahagian pertama dekad 1980'an. Mulai pertengahan dekad tersebut, ia nampaknya tidak dapat bertahan lagi. Ia menghadapi krisis ekonomi yang sangat meruncing. Pemimpinnya pada ketika itu, iaitu Mikhail Gorbachov memperkenalkan suatu dasar yang dikenali sebagai *glasnost*, iaitu yang bertujuan memperbaiki keadaan ekonominya melalui beberapa pembaharuan dasar-dasar ekonomi itu sendiri. Namun gerakan itu tidak menghasilkan kejayaan. Sementara itu gerakan politik dan ekonomi yang bertujuan menghancurkan struktur dan ideologi Marxist di negara itu, yang pada mulanya tidaklah menonjol, telah menampakkan kecergasannya menjelang penghujung dekad tersebut. Sehingga akhirnya pada T.M. 1990 bubarlah atau hancurlah secara rasminya apa yang sebelum ini dikenali sebagai Kesatuan Republik Soviet Rusia. Apa yang tinggal, atau apa yang menjadi gantinya ialah Rusia dan gabungan pelbagai republik merdeka yang dahulunya merupakan sebahagian daripada kesatuan tersebut. Kini Rusia sendiri sedang berusaha untuk hidup dan mengamalkan sistem demokrasi Barat serta unsur-unsurnya yang berkaitan. Sebenarnya banyak lagi kisah jatuh bangun sesebuah empayar, negara maupun republik ini. Kita tentu tahu tentang kebangkitan, perkembangan empayar atau tanah jajahan kuasa-kuasa Barat seperti Portugal, Sepanyol, Perancis dan Inggeris sejak abad kelima belas Masehi dahulu sehingga pertengahan abad kedua puluh ini. Juga tentang empayar-empayar Melayu di Kepulauan Melayu ini pada abad kesepuluh sehinggalah abad keenam belas yang lalu. Ertinya kebangkitan, perkembangan dan keruntuhan itu berlaku di mana-mana sahaja diseluruh pelusuk dunia. Tiada suatu yang kekal melainkan proses-proses tersebut. Dan semua keruntuhan itu, lambat laun, akan digantikan pula dengan suatu bentuk fahaman politik atau ideologi yang baru dengan pelbagai unsur serta institusinya pula. Ataupun kadangkala dikekalkan asas yang lama demi menjaga kehormatan serta kesinambungan masyarakat misalnya, dengan diberikan balutan atau perubahan kosmetik supaya menampakkan pula pembaharuannya.

Apakah sejarah itu berulang dalam hal peristiwa-peristiwa yang menimpa kerajaan, empayar ataupun republik itu? Sebenarnya tidak; yang berulang hanyalah istilah-istilah atau konsepsi-konsepsi besarnya sahaja. Jika demikian bagaimana sesebuah negara akan mendapat manfaat dari sejarah? Persoalan seperti itu juga akan timbul di dalam pensejarahan yang didasarkan kepada agama-agama terutamanya agama samawi itu. Di dalam hal ini, perjalanan sejarah sesebuah negara, dan juga kerajaan serta aturan-aturannya, sentiasa bergerak menuju suatu matlamat terakhir yang berupa akhir zaman dan seterusnya Kiamat. Tiada ada kitaran di dalam hal ini; sejarah itu bukanlah merupakan suatu kitaran yang akan mengulangi proses-prosesnya dengan tiada mempunyai suatu titik akhirnya, samada kitaran itu berdasarkan falsafah politik kewangsaan ataupun semata-mata kitaran yang melahirkan bentuk-bentuk yang lain dari

keadaan yang telah pupus. Sejarah itu suatu pergerakan yang mara terus-menerus menuju matlamat terakhirnya, iaitu Hari Kiamat. Dan sejarah itu sendiri akan tamat setelah tamatnya alam ini bersama dengan sekalian makhluknya. Bagaimanapun, sebelum datangnya Kiamat itu, manusia, terutamanya yang bertakwa, akan sentiasa berwaspada dan bersedia untuk menemuinya. Sejarah menjadi sebahagian daripada landasan bagi persediaan tersebut. Dengan menoleh ke belakang, yakni kepada sejarah hidupnya, manusia akan dapat mengangak kedudukannya di sisi Allah Yang Maha Berkuasa. Sesebuah negara pula, ataupun lebih tepat jika dikatakan rakyat sesebuah negara, akan dapat mengetahui apakah ia sudah diperintah mengikut perlembagaan yang didatangkan dari Allah Yang Maha Berkuasa, ataupun semata-mata diperintah dengan cara sekular dan berlandaskan undang-undang yang diciptakan oleh manusia sahaja.

KAITAN SEJARAH DAN NEGARA

Samada sejarah itu dilihat sebagai suatu bentuk kitaran ataupun pergerakan yang terus-menerus mara menuju matlamat terakhirnya, perkaitannya dengan sesebuah negara sangat akrab. Malah dapat dikatakan bahawa sejarah itu mempunyai suatu peranan yang sangat penting dalam menentukan hidup matinya sesebuah negara itu. Seperti seorang insan, maka kehidupan sesebuah negara itu akan gelap jika ia tidak mempunyai sejarahnya, ataupun tiada mempunyai kumpulan ingatan masa lalunya. Orang kerap mengatakan bahawa keadaan yang berlaku pada sesebuah negara pada sesuatu ketika itu merupakan gejala yang timbul dari faktor ekonomi ataupun faktor politik yang stabil. Ataupun yang paling semasa bagi negara itu pada ketika ini ialah sebagai gejala pembangunan perindustrian yang merupakan hasil kemajuan sains dan teknologi. Ini memang mempunyai kebenarannya dan memang susah pula untuk dinafikan. Akan tetapi, keadaan yang wujud pada sesuatu ketika di dalam sesebuah negara itu sebenarnya merupakan *kesan* ataupun *hasil* dari sesuatu gejala, samada sains, ekonomi, mahupun gagasan yang abstrak semata-mata. Sebagai *kesan* ataupun *hasil* ia melambangkan pertalian dengan masa lalu di mana gejala itu sendiri lambat laun akan menjadi sebahagian dari masa lalu itu jua. Sesungguhnya masa kini itu berlaku dengan seimbis sahaja, sepintas lalu ataupun sekelip mata sahaja; sesuatu kejadian itu akan menjadi sejarah dengan kepantasan yang sangat menakjubkan.²⁰ Selepas sekelip mata itu seolah-olah semuanya telah hilang ditelan waktu. Apa yang tinggal hanyalah kesan ataupun, akibat kewujudannya yang sepintas lalu itu. Jika ditinjau dari segi ini, maka pertalian di antara masa kini dengan masa lalu, ataupun sebaliknya adalah jelas. Tetapi, sesebuah negara, seperti juga seorang insan, memerlukan masa depan yang kadangkala dirancang supaya mewujudkan perasaan kesejahteraan bagi penduduknya.²¹ Maka di dalam mengusahakan perancangannya itulah pakar perancang, ahli ekonomi, ahli politik dan sebagainya tidak dapat tidak akan mendapati sejarah

itu sebagai suatu sumber rujukan yang sangat berguna. Malah dalam hal ini, sejarah itu boleh dianggap sebagai pedoman atau guru yang akan memberikan tunjuk ajar kepada pakar-pakar tersebut.²² Oleh itu kehidupan sesebuah negara itu juga terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu: masa lalu, masa kini dan masa yang akan datang. Ketiga-tiganya berkaitan sebagai seutas rantai yang gelung-gelungnya bertautan di antara satu sama lain. Lazimnya yang satu boleh menimbulkan serta mencerminkan yang lain. Dan perhubungan di antara ketiganya begitu akrab sekali sehingga boleh dikatakan ketiga-tiganya itu tidak boleh dipisahkan, ataupun terpisah. Kecualilah sekiranya sengaja dilakukan oleh penghuninya sendiri, misalnya dengan melakukan sesuatu revolusi ataupun pemberontakan yang dahsyat yang bertujuan menyingkirkan terus sistem dan juga anutan, institusi dan kepercayaan yang terdapat di negara mereka sebelum berlakunya kejadian tersebut. Bagaimanapun, revolusi ataupun pemberontakan yang dahsyat itu belum tentu akan menghapus langsung sejarah sesebuah negara itu.

Pada hakikatnya, revolusi mahupun pemberontakan yang dahsyat itu adalah suatu waktu yang sangat bergelora. Apa yang cuba dilakukan oleh pendokong-pendokong ialah menyingkirkan sejarah mereka dan menggantikannya dengan suatu kumpulan pengalaman, ataupun sistem, yang baru serta berbeza dari yang lalu. Katakanlah demikian tujuannya; sungguhpun memusnahkan yang lama itu bukanlah semestinya merupakan setiap motif revolusi atau pemberontakan. Tidak mustahil berlakunya pemberontakan kerana ingin menegakkan kembali yang lama ataupun membetulkan yang lama yang telah sekian lama pula diselewengkan! Bagaimanapun pada kebiasaannya, sekiranya kita berbicara dari sudut revolusi, maka motif utamanya ialah menghapus yang lama dan mewujudkan yang baru yang mereka anggap lebih baik dari yang lama. Mereka mungkin berjaya seperti halnya dengan Revolusi Perancis yang berlaku pada tahun 1789 dan Revolusi Rusia pada tahun 1917 dahulu. Mereka mungkin gagal seperti halnya dengan beberapa pemberontakan pihak komunis di Tanah Melayu dan juga Indonesia pada tahun-tahun 1940an, 1950an dan 1960an dahulu. Tetapi, seandainya mereka berjaya sekalipun, maka kejayaan itu tidaklah sebenarnya menyeluruh; apatah lagi sekiranya mereka gagal! Masa lalu itu tidaklah dapat disingkir mahupun dihapuskan keseluruhannya dalam jangka waktu yang begitu singkat sahaja. Ia mungkin boleh hapus, tetapi kemungkinan itu akan memakan masa yang sangat panjang dan itupun hanyalah kemungkinan sahaja. Tiada jaminan bahawa segala pengalaman manusia dalam sesebuah negara itu akan dapat dihapuskan walau dalam jangkawaktu yang panjang sekalipun. Kesedaran akan wujud, serta wujud kembali, di kalangan masyarakatnya tentang perlunya meneruskan benih-benih masa lalu yang dirasakan penting dan harus diteruskan khususnya

mengenai perkara yang berkaitan dengan agama dan adat resam. Berhadapan dengan hakikat itu maka, dengan berlalunya waktu, pendokong revolusi tadi akan mendapati betapa perlunya mereka mengadakan kompromi dengan unsur-unsur dari sejarah itu.

CONTOH DARI REVOLUSI PERANCIS 1789

Suatu contoh yang boleh kita kemukakan dalam hal ini ialah Revolusi Perancis yang berlaku pada tahun 1789 dahulu. Revolusi tersebut bukan sahaja telah menggemparkan seluruh negeri Perancis, tetapi telah pula menggemparkan seluruh benua Eropah. Edmund Burke, seorang ahli falsafah konservatif berbangsa Inggeris pada kurun tersebut telah menganggap bahawa Revolusi 1789 itu telah menghancurkan segala-galanya; bererti keseluruhan sejarah dan tradisi Perancis.²³ Tetapi apakah pandangan beliau itu dapat kita terima keseluruhannya atau benarkah *keseluruhan* peradaban Perancis telah hancur akibat berlakunya peristiwa tersebut, samada dilihat dari sudut semerta ataupun dari sudut jangkauan waktu yang lebih panjang sehingga ke saat ini sekalipun? Jika diteliti dengan lebih mendalam, maka apa yang cuba diubah oleh para revolusioner itu hanyalah sistem politiknya sahaja, iaitu daripada *ancien-regime* kepada suatu yang boleh dianggap sebagai mempunyai benih-benih demokrasi yang liberal. Perubahan politik itu pun tidak berlaku dengan serta-merta; malah selepas sahaja revolusi disytiharkan, Raja Louis XVI yang mewakili *ancien-regime* serta keburukan yang ditentang oleh para revolusioner, masih diterima sebagai ketua pemerintah walaupun kekuasaan baginda telah disekat. Walau bagaimanapun, sesuai dengan keadaan waktu yang sangat bergelora itu, Raja Louis XVI dan permaisurinya Marie Antoinette telah dijatuhkan hukuman pancung dengan Guillotine pada tahun 1793. Dengan itu para revolusioner menganggap bahawa *ancien-regime* telah hapus dan kuasa jatuh ke tangan mereka, iaitu kumpulan *Jacobin* yang menganggap diri mereka sebagai pembela revolusi dan kuasa yang ada pada mereka itu akan digunakan untuk mempertahankan revolusi semata-mata. Lantas mereka mewujudkan sistem pemerintahan yang pada pandangan mereka adalah berbnetuk demokrasi. Tetapi apa yang sebenarnya berlaku ialah mereka hanyalah mewujudkan suatu zaman yang dikenali sebagai Zaman Keganasan. Seterusnya sistem yang diwujudkan oleh orang Jacobin itu juga tumpas dan akhirnya Perancis dikuasai oleh seorang Jeneral yang sangat berbakat yang dilahirkan di Pulau Corsica. Beliau ialah Napoleon Bonaparte. Setelah mendapat kekuasaan beliau akhirnya memahkotakan dirinya sebagai Maharaja dan Perancis kembali kepada sistem pemerintahan yang mempunyai raja. Jadi walaupun ia tidak kembali kepada *ancien-regime*, sekurang-kurangnya ia kembali kepada sistem yang pada luarannya menampakkan persamaan dengan sistem yang cuba disingkirkannya dahulu. Dengan itu juga kejayaan politik yang telah diasaskan oleh para

revolusioner dahulu seolah-olah telah lesap semula.

Umpamakanlah para revolusioner itu berjaya terus-menerus mempertahankan sistem politik yang telah mereka asaskan, apakah itu bererti mereka telah berjaya menyinkirkan keseluruhan sejarah negara mereka? Sebenarnya tidak. Kerana, apakah dengan kejayaan revolusi politik semata-mata maka orang Perancis akan mengubah pula cara mereka makan, bahan-bahan makanan, ataupun waktu makan? Atau apakah mereka akan mengubah bahasa mereka sendiri dan mengambil suatu bahasa yang lain demi kejayaan politik yang telah mereka capai? Nyatalah bahawa tindakan seperti revolusi itu tidak akan dapat menghapus terus pengaruh dan juga unsur-unsur masa lalu yang telah sekian lama wujud di dalam sesebuah masyarakat manusia itu.²⁴

CONTOH DARI REVOLUSI RUSIA 1917

Satu lagi contoh ialah yang berlaku di Rusia pada awal abad ini. Pada tahun 1917 dahulu pernah berlaku suatu revolusi yang dahsyat di negara tersebut. Revolusi itu juga merupakan tindakan yang dilakukan untuk menyingkirkan masa lalu, ataupun sejarah. Tetapi ia bukanlah dilakukan bagi mewujudkan sistem yang berlandaskan liberalisme, malah dilakukan bagi mewujudkan sistem yang sebaliknya. Mereka bercita-cita untuk mengasaskan sebuah negara yang menguasai keseluruhan kegiatan rakyatnya, kecualilah beberapa aspek kegiatan peribadi dan budaya mereka, kerana pada pandangan penganjuran-panjurannya, hanya dengan dilakukan demikian sahajalah maka baharulah wujud keadilan dan kesaksamaan di kalangan sesama manusia. Pada mereka kejayaan kebendaan dan keduniaian sangat penting, sedangkan agama, walau dalam apa bentuknya sekalipun, tidaklah merupakan unsur yang penting, apatah lagi sebagai unsur penentu, di dalam kehidupan manusia. Teori politik dan pemerintahan yang mereka dasarkan kepada gagasan Karl Marx itu menganggap agama sebagai candu semata-mata bagi rakyat.²⁵ Sungguhpun boleh dikatakan mereka mencapai kejayaan dalam menegakkan sistem yang dilandaskan kepada gagasan Karl Marx, tetapi mereka tidaklah berjaya sepenuhnya mengikis anutan agama yang masih dipegang oleh majoriti rakyatnya. Masih ramai juga orang Rusia yang mempercayai serta mengamalkan agama dan masih pula ada daerah-daerah yang menganut agama yang mereka warisi dari zaman sebelum revolusi lagi, khasnya agama Islam. Kira-kira tujuh puluh tahun kemudian sistem yang mereka wujudkan itu mengalami pula detik-detik kehancurannya.

MENCINCANG SEJARAH SEPERTI MENCINCANG AIR

Contoh-contoh itu menunjukkan bahawa dalam proses pergerakan sejarah tidak berlaku perpisahan yang menyeluruh dengan masa lalu. Ertinya tidaklah munasabah sekiranya boleh berlaku seperti pepatah kita, iaitu 'berkerat rotan'

dan 'berpatah arang' dengan masa yang telah lalu ataupun dengan sejarah. Apa yang barangkali berlaku dan boleh berlaku ialah 'carik-carik bulu ayam lama-lama akan bercantum juga', ataupun keadaan-keadaan yang seperti itu. Mencincang sejarah itu seperti 'mencincang air, ia tidak akan putus'.²⁶

Oleh itu hubungan di antara tahap waktu di dalam pergerakan sesebuah negara itu, seperti juga bagi seorang insan, tetap wujud. Dan dari satu segi, sebahagian daripada ilmu pengajian sejarah itu ialah mengkaji tentang perhubungan di antara tahap-tahap tersebut, iaitu yang antaranya melibatkan peristiwa yang berlaku, tokoh-tokoh yang terlibat dan sebab-musabab bagi berlakunya sesuatu kejadian di dalam sesuatu tahap itu. Sebagai intipatinya, ia merupakan pengajian terhadap perubahan dan prosesnya yang berlaku di sekitar tahap-tahap tersebut. Sesuatu perubahan yang telah berlaku, mahupun yang dijangka akan berlaku, di dalam sesuatu tahap itu bukan sahaja memaparkan proses-prosesnya tetapi juga memaparkan perhubungan yang wujud di antara masa lalu, masa kini dan mudah-mudahan masa yang akan datang. Sangat pragmatis lakunya, masa kini merujuk kepada masa lalu untuk kepentingan masa depan! Tetapi pada hakikat yang sebenarnya, perhubungan tersebut tidaklah semudah dan sepragmatis seperti itu. Begitu juga pengkajian mengenainya. Kadangkala pengkajian mengenainya terpaksa pula melalui beberapa proses untuk mencapai tarap yang diakui kebenarannya serta dapat dipakai. Maka ilmu yang terpakai itu sudah tentu akan membawa manfaat kepada masyarakat yang sudi menerimanya.

KEPENTINGAN SEJARAH DALAM KEHIDUPAN NEGARA

Dari sudut perhubungan di antara ketiga tahap itulah dapat dilihat dengan jelas betapa sejarah, samada ia sudah merupakan pengkajian yang telah dianggap sebagai suatu ilmu, ataupun yang berupa masa lalu sahaja, merupakan faktor yang penting di dalam kehidupan sesebuah negara itu. Misalnya, ia boleh menjadi landasan kepada timbul ataupun tenggelamnya negara itu sendiri, samada dari sudut keruntuhan dalam negerinya ataupun di arena politik dan ekonomi antarabangsa. Bagaimana sejarah itu boleh dijadikan demikian? Katakanlah sesebuah negara yang menganut sistem politik demokrasi liberal moden yang berperlimen sedang dalam proses memilih pemimpin mereka. Lazimnya mereka akan mengundi dan hasil pengundian itulah yang menentukan siapakah kumpulan pemimpin yang telah terpilih dan siapakah yang tidak. Tetapi proses pengundian itu juga telah melalui proses *pemilihan* dalam erti kata rakyat, i.e. sebelum mereka mengundi, telah mengkaji lantas menentukan pemimpin yang mereka rasakan boleh memimpin mereka dengan baik dan jujur. Rakyat akan mengambil kira latar belakang seseorang calon pemimpin itu, dari kumpulan manakah datangnya dan apakah organisasi ataupun parti politiknya itu telah terbukti sebagai sebuah pertubuhan yang bertanggungjawab terhadap rakyat yang dipimpinnya? Semua perkiraan ini adalah perkiraan yang merujuk kepada

sejarah seseorang yang akan menjadi pemimpin tadi dan juga sejarah pertubuhan yang dianggotainya. Ini dilakukan untuk *menentukan* agar seseorang yang terpilih nanti biarlah orang yang benar-benar jujur, berani, adil serta berkebolehan memimpin dan bukannya seseorang yang semata-mata akan menggunakan kedudukannya dan jawatannya buat kepentingannya dan juga orang-orang yang dekat dengannya. Sekiranya terdapat pemimpin yang bersikap demikian, maka nyatalah bahawa rakyat akan tertindas dan kekayaan negara akan pupus sekurang-kurangnya dalam jangkawaktu semasa ia menjadi pemimpin itu.

Sebaliknya, sekiranya pucuk pimpinan itu merupakan suatu nukleus kedinamisan, maka negara serta rakyatnya juga akan menyanjung serta mendapat manfaat darinya. Sejarah juga, secara kiasannya akan mengadili kedinamisan tersebut setelah pucuk pimpinan itu beredar dari arenanya akibat ditelan waktu. Bagaimanapun, kadangkala terdapat juga pemimpin, ataupun golongan pemimpin, yang pada satu masa merupakan sumber kedinamisan serta disanjung oleh rakyatnya, tetapi setelah masa berlalu anggapan rakyat terhadapnya berubah pula. Hitler misalnya, merupakan suatu sumber kedinamisan bagi orang Jerman yang berfahaman *Nazi* sebelum Perang Dunia Kedua (dan sesungguhnya masih disanjung lagi oleh golongan tersebut sampai ke saat ini). Beliau seorang pemimpin yang benar-benar memberikan serta menegakkan kemegahan dan maruah kaumnya, lantas berjaya mendapatkan keyakinan kaumnya terhadap kepemimpinannya sehingga mereka sanggup menyokongnya untuk menjerumuskan negara mereka ke dalam suatu kancah peperangan yang dahsyat. Seandainya Jerman mendapat kemenangan di dalam peperangan tersebut, maka sumbangan Hitler dari sudut pimpinan bukanlah suatu perkara yang dapat diperkecil-kecilkan. Di dalam sejarah perjuangannya, kita melihat bagaimana beliau telah dapat menaikkan semangat kaumnya dengan menggunakan sejarah yang telah dialami oleh negara mereka. Terutama sekali beliau telah mengkaji serta menganalisis syarat-syarat yang terdapat di dalam *Perjanjian Versailles*, iaitu perjanjian yang telah ditandatangani oleh kuasa-kuasa Eropah pada tahun 1918 dahulu bagi menamatkan Perang Dunia Pertama. Apa yang penting yang dapat digunakannya bagi tujuan politiknya ialah bahawa di dalam perjanjian tersebut negara Jerman telah dianggap sebagai kuasa yang bersalah yang telah menyebabkan berlakunya Perang Dunia Pertama itu. Oleh sebab itu perjanjian tersebut telah memuatkan beberapa syarat yang sebenarnya adalah merupakan syarat-syarat yang menghukum negeri Jerman sebagai negara yang bertanggungjawab bagi memulakan peperangan tadi. Jerman tidak pula diberikan peluang untuk mempertahankan ataupun membela dirinya di dalam persidangan-persidangan yang menghasilkan perjanjian tersebut; apatah lagi untuk meminta sugu hati sebagai yang dilakukan oleh berapa kuasa yang lain. Ia terpaksa menerima sahaja keputusan dari Pihak Berikat syarat-syarat yang dikenakan kepadanya. Peristiwa tersebut bukan sahaja membimbangkan orang Jerman tetapi adalah juga menghina mereka. Dalam keadaan yang demikian itulah Hitler telah berusaha menunjukkan kepada kaumnya apa yang

telah berlaku kepada mereka dan negara mereka. Hitler juga menunjukkan betapa pemimpin mereka telah gagal membela mereka, serta negara mereka sendiri, semasa perjanjian tersebut dibincangkan, mahupun selepas ia ditandatangani. Hitler juga, dengan dibantu oleh beberapa orang penasihatnya, menunjukkan betapa orang Jerman sebenarnya merupakan suatu bangsa yang bijak dan terkemuka di dunia ini, mereka adalah bangsa pilihan! Sungguhpun pada mulanya beliau tidaklah begitu mendapat sambutan dan perhatian yang serius dari kaumnya, tetapi secara beransur-ansur mereka tertarik serta menaruh keyakinan kepada perkara-perkara yang dicadangkannya. Mereka semakin beranggapan bahawa ada beberapa kebenaran di dalam hujah-hujah yang dikemukakan oleh Hitler itu. Dengan itu kepopularan beliau semakin meningkat hari demi hari sehingga akhirnya pada tahun 1933, beliau dilantik menjadi Cancellor ataupun Perdana Menteri negara tersebut. Dan dari sejak itu juga perjuangan negara, yang bererti perjuangan Hitler tertumpu kepada usaha-usaha dan langkah-langkah mengembalikan martabat negara, iaitu setelah mereka kononnya dihina di dalam Perjanjian Versailles dahulu. Rupa-rupanya langkah dan usaha tersebut telah mencetuskan perang besar sekali lagi dan negara itu telah pula didapati memainkan peranan yang penting di dalam mencetuskan peperangan tersebut. Jadi dimanakah salahnya? Barangkali orang Jerman, telah tersalah pilih pemimpin mereka pada tahun 1933 dahulu; yakni mereka terlalu mengikut emosi mereka dan memilih seorang pemimpin yang sangat pintar merayu kepada emosi mereka untuk sesuatu tujuan yang akhirnya telah menjerumuskan negara ke dalam suatu kancah peperangan yang sangat dahsyat. Perkiraan mereka lebih merupakan perkiraan emosi daripada perkiraan sejarah.

Kejadian yang seakan-akan serupa juga berlaku kepada negara Jepun di mana sekumpulan pucuk pemimpinnya telah mengheret negara mereka ke dalam Peperangan Dunia Kedua. Sebagai akibatnya mereka menerima padahnya apabila Amerika Syarikat menggugurkan dua butir bom atom ke atas bandar Hiroshima dan Nagasaki pada tahun 1945 dahulu. Sebagai akibatnya juga, negara Jerman dan Jepun hampir-hampir tidak berjaya meneruskan kewujudannya sebagai negara yang berdaulat. Dalam hal ini bukan sahaja sejarah itu seolah-olah sudah berulang kembali, khususnya buat negeri Jerman, bahkan sejarah itu sendiri telah mengajar mereka supaya berhati-hati dalam memilih pemimpin mereka pada masa yang akan datang.

Demikianlah sejarah itu memang mempunyai guna, ataupun nilai, yang sangat luas bagi seseorang insan, masyarakat, institusi mahupun negara. Semua ini tidak akan dapat mengelak dari terkait dengan sejarah. Begitu juga halnya dengan bidang-bidang ilmu pengetahuan yang lain; semuanya amat kerap merujuk kepada sejarah, sekurang-kurangnya sejarahnya sendiri, bagi menetapkan teori dan andaiannya, ataupun mengukuhkan hujah-hujahnya serta membenarkan pandangannya. Barangkali, jika dikira satu persatu, mungkin jumlah kegunaannya melebihi seribu satu macam kegunaan yang berbentuk

utilitarian dan pragmatis, psikologi dan falsafah. Sejarah sebagai masa lalu dan ilmu pengetahuan tentang masa lalu, boleh dijadikan teladan mahupun sempadan demi menjadi kesejahteraan insan itu sendiri, masyarakatnya dan juga negaranya.

¹R.G. Collingwood misalnya mengatakan bahawa kegunaan sejarah adalah untuk *self-knowledge* yang boleh diertikan sebagai 'mengenal-diri'. Lihat R.G. Collingwood, *Idea Sejarah*, terjemahan Muhd. Yusof Ibrahim, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1985, 'Pengenalan', hlm. x/iii-x/iv.

²Arthur Marwick, *The Nature of History*, MacMillan Publishers Ltd., London, 1985, hlm. 14.

³Dari segi ini, Wang Gungwu misalnya mengatakan bahawa, 'kepentingan sejarah yang pertama dan barangkali yang lazim sekali ialah apabila sesuatu kumpulan, keluarga, suku atau puak itu suatu bentuk ingatan masa lalu yang boleh membantu mengekalkan keperibadian dan mengukuhkan keupayaannya untuk terus wujud'. Lihat Wang Gungwu, *The Use of History*, Papers in International Studies, Southeast Asia Series, Center For International Studies, Ohio University, Athens, Ohio, 1968, hlm. 1-2.

⁴Salah seorang daripadanya ialah Dr. John Lightfoot, Naib Canselor Universiti Cambridge, yang mengeluarkan pandangannya pada tahun 1642 bahawa manusia telah diciptakan pada 23 Oktober, 4004 sebelum Masihi pada pukul sembilan pagi. Lihat, Glyn Daniel, *The Idea of Prehistory*, Penguin books Ltd., Middlesex, 1956, hlm. 41.

⁵Lihat, misalnya, Mejar Dato' Haji Mohamad Said Sulaiman, *Tawarikh Dan Manusia: Mengandungi Tawarikh Dari Zaman Tahun Adam Hingga Tahun Masehi 1938*, Siri Peredaran Angka, P.M.P.B. Diraja Johor Matbaah al-Ahmadiyah, Singapura, 1938, hlm. 2-3 yang juga menyatakan tahun 4004 S.M. itu sebagai tahun dunia ini dijadikan, tetapi menurut beliau tarikh tersebut tidaklah boleh diterima, '... kerana dalam siasat alam yang baharu berumur bermillion-million tahun ...'. Namun tarikh tersebut, menurut beliau lagi bolehlah dikira sebagai, '... tawarikh Nabi Adam lahir ke dunia...'

⁶Lihat, *Al-Quran*, misalnya Surah *Al-Qari'a*.

⁷Sungguhpun amalan menempatkan lulusan sejarah itu di jawatan yang selayaknya belum lagi dilakukan sepenuhnya di negara kita ini, terutama sekali di bahagian perkhidmatan pentadbiran dalam dan luar negeri dan juga sekolah-sekolah menengah, tetapi lambat laun amalan tersebut akan terpaksa dilaksanakan juga, kerana amalan seperti itu suatu amalan yang telah dilaksanakan oleh negara-negara yang telah maju di dunia pada hari ini. Lihat, misalnya, A.K. Rowse, *The Use of History*, Collier Books, The MacMillan Co., New York, 1965, hlm. 10 - 12.

⁸E.H. Carr, *The New Society*, Beacon Press, Boston, 1966, hlm. 1.

⁹Lihat, Gordon Connel-Smith & Howel A. Lloyd, *The Relevance of History*, Heinemann Educational Books, London, 1972, hlm. 33-36.

¹⁰Lihat, A.L. Rowse, *The Use of History*, hlm. 25.

¹¹Hans Meyerhoff (ed.), *The Philosophy of History in Our Time*, Anchor Books, New York, 1959, hlm. 1-3 dan 5. Juga, Sidney Pollard, *The Idea of Progress: History and Society*, Penguin Books Ltd., Harmondsworth, 1971, hlm. 16.

¹²Lihat H.E. Barnes, *A History of Historical Writing*, Dover Publications, Inc, New

York 1963, hlm. 333-34 & 35. Juga, Muhd. Yusof Ibrahim & Mahayudin Hj. Yahaya, *Sejarah dan Pensejarahan: Ketokohan dan Karya*, dengan Pengenalan oleh Muhd. Yusof Ibrahim, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1988, hlm. 47 terutama notakaki No. 47. Lihat juga Wang Gungwu, *The Use of History*, hlm. 3.

¹³Lihat misalnya, John K. Fairbank et.al., *East Asia: Tradition & Transformation*, New Imp. Houghton Mifflin Co., Boston, 1978, hlm. 70-75. Juga; Lucien W. Pye, *China: An Introduction*, Little Brown & Co., Boston, 1972, hlm. 53-56. Dan, Hilda Hookman, *A Short History of China*, St. Martin Press, Inc., New York, 1972, hlm. 116-119.

¹⁴Menurut Lucien W. Pye, teori kitaran kewangan itu bermula dengan wujudnya keadaankacau-bilau di antara beberapa wangsa. Seterusnya suatu wangsa akan berjaya merebut kuasa dan akan mewujudkan pula keamanan, kestabilan dan juga kemakmuran. Tanah dan harta kekayaan dapat dibahagikan dengan saksama kepada rakyat yang telah berkurangan akibat dari kacau-bilau dahulu. Tetapi keamanan dan kemakmuran itu akan menyebabkan berlakunya beberapa perubahan. Antaranya ialah pertambahan dari segi jumlah rakyat, harta kekayaan semakin kurang dan yang kaya semakin rasuah dan menjadi pengumpul harta kekayaan dan kehidupan rakyat jelata semakin menjadi sempit. Cukai terpaksa dinaikkan. Dalam keadaan yang demikian, bencana alam seperti bah, banjir, gempa bumi dan sebagainya akan memburukkn lagi keadaan yang semakin hari semakin bertambah buruk itu. Dan salah satu jalan untuk memperbaiki keadaan yang mendesak itu ialah dengan menaikkan lagi cukai. Akhirnya rakyat jelata tidaklah lagi dapat bersabar dilanda penderitaan dan mereka merasa bahawa sudah sampailah masanya bagi mereka memberontak menyingkirkan wangsa yang sedang memerintah dan digantikan pula oleh suatu wangsa yang lain. Selepas itu proses-proses tersebut akan bermula pula. Lihat Lucien W. Pye, *China: An Introduction*, hlm. 53-56. Juga, Hilda Hookham, *A Short History of China*, hlm. 242. perkembangan dan kemudian keruntuhan pula. Keruntuhan itu mestilah diikuti dengan kelahiran sebuah wangsa yang lain pula. Dalam erti kata lain, apabila sesebuah wangsa itu telah menamatkan kitarannya, maka suatu wangsa lain pula akan memulakan kitaran sejarahnya. Terdapat suatu rasa ketentuan dalam hal ini bahawa kitaran itu haruslah berbentuk kewangsaan dan hapusnya sesuatu wangsa itu tidaklah akan melahirkan suatu sistem pemerintahan yang lain melainkan bentuk kemaharajaan yang diterajukan oleh sesebuah keluarga diraja. Seolah-olah sejarah itu memang benar-benar berulang-ulang keadaannya. Apakah ini benar dan mempunyai kesejarahn yang kukuh?

¹⁵Bagi penerangan ringkas mengenai konsep, negara, khususnya negara moden, sila lihat misalnya, Heinz Lubansz (ed.), *Development of Modern State*, The Macmillan Co., New York, 1964, hlm. 1 - 3.

¹⁶John Cambell & Phillip Sherrard, *Modern Greece*, Frederick A. Praeger, New York, 1969, hlm. 25.

¹⁷Bagi permulaan dan perkembangan kekuasaan Islam di India, sila lihat R.C. Majumdar, H.C. Rayshaudhuri & Kalikinkar Datta, *An Advanced History of India*, MacMillan & Co., Ltd., London, 1963, hlm. 275-617.

¹⁸Secara amnya, kemaraan kuasa-kuasa penjajah dari Barat sudah bermula sejak

dari kurun keempat belas lagi, iaitu dengan bermulanya usaha penjelajahan serta penaklukan yang dilakukan oleh orang Portugis. Setelah bertapak di India (1510) dan beberapa tempat di Amerika Syarikat, orang Portugis mara pula untuk menguasai perdagangan orang Islam di Lautan Hindi dan Lautan Teduh. Untuk melaksanakan cita-cita mereka itu, mereka telah menawan Melaka (1511) dan seterusnya menempatkan tentera serta pedagangannya di Kepulauan Maluku, Ambon dan Macao di Negeri China. Kemaraan Portugis itu diikuti pula oleh kuasa-kuasa Barat yang lain; Sepanyol, Perancis, Inggeris, Jerman dan seterusnya Amerika Syarikat. Inggeris misalnya telah berjaya mengalahkan kuasa Islam di India selepas berlakunya pemberontakan tahun 1857, menguasai Malaysia mulai tahun 1786 dan menjajah Masir (1876) dan beberapa buah negara Islam yang lain dikuasai pula oleh kuasa-kuasa yang lain. Belanda misalnya, telah menguasai Indonesia sejak kurun ketujuh belas lagi. Sungguhpun motif kuasa-kuasa penjajah yang muncul pada kurun kelapan belas dan sembilan belas, seperti Inggeris, Jerman dan kemudiannya Amerika Syarikat, tidak begitu menampakkan objektif keagamaan mereka, tetapi Portugis dan Sepanyol khususnya memang mempunyai tujuan yang jelas untuk menghancurkan Islam dan menegakkan agama mereka. Bagi keadaan yang berlaku di Asia Tenggara mengenai motif serta kedatangan kuasa-kuasa Portugis dan Sepanyol itu, sila lihat D.G.E. Hall, *A History of South-East Asia*, edisi kedua., Macmillan and Co. Ltd., London, 1966, hlm. 217-237. Bagi penjajahan di Asia Barat, sila lihat Robert O. Collins & Robert L. Tignor, *Egypt & Sudan*, Prentice-Hall, Inc., New Jersey, 1967, terutamanya hlm. 81-128.

¹⁹Rasa kehancuran itu diremukkan lagi dengan pemansuhan ke atas sistem Khalifah yang dilakukan oleh Mustaffa Kamal Attarturk ada tahun 1924, iaitu pemimpin Turkey yang berjaya menyelamatkan negaranya dari dileburkan terus oleh kuasa-kuasa Berikat dalam Perang Dunia Pertama dahulu. Lihat, Sydney Nettleton Firsher, *The Middle East*, hlm. 391-2.

²⁰Lihat, Robert L. Heilbroner, *The Future as History* Grove Press, Inc., New York, 1961, hlm. 13-14.

²¹Amanah Saham Nasional umpamanya, iaitu suatu usaha positif yang dilancarkan oleh kerajaan kita untuk meningkatkan penyertaan rakyat bumiputera di bidang pelaburan, dan telah dilancarkan perasmianya oleh Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn pada 20 April 1981 dahulu mempunyai motto "Ke Arah Kesejahteraan". Lihat, Berita Harian, Isnin, 20 April 1981, hlm. 4 dan 10.

²² Lihat, Zainal Abidin bin Abdul Wahid, 'Sejarah Dalam Proses Pembangunan', dlm. *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1979, hlm. 11.

²³Edmund Burke, 'Reflection of the Revolution in France', dlm. William F. Church (pynt.), *The Influence of The Enlightenment of the French Revolution: Creative, Disasterous of Non-Existent?*, Heath and Co., Boston, 1967, hlm. 8.

²⁴Suatu contoh yang agak dekat dengan kita ialah peristiwa GESTAPU yang berlaku di Indonesia pada tahun 1965 dahulu yang akhirnya mewujudkan Order Baru (ORBA), yakni selepas tahun 1966, sebagai bertentangan dengan Order Lama (ORLA) yang merujuk kepada zaman kekuasaan Sukarno, terutamanya dari kira-kira tahun 1959 hingga 1965. Konsep ORBA menimbulkan reaksi dan pandangan optimis yang meluas tentang keupayaan Indonesia mengikis dan menghapuskan keburukan yang telah berlaku di dalam ORLA. Ia adalah suatu batu loncatan yang akan digunakan bagi memperbaiki keadaan politik dan sosio-ekonomi Indonesia berdasarkan *Pancasila* dan *Perlembagaan*

1945. Namun demikian, kebanyakan perubahan yang berlaku seterusnya hanyalah di bidang politik dan ekonomi sedangkan perubahan yang berlaku di bidang lain tidaklah begitu ketara sekurang-kurangnya sehingga saat ini. Tidak banyak perubahan yang berlaku dari segi sosial, apatah lagi dari sudut budaya dan cara hidup mereka. Mengenai ORBA, lihat misalnya, Suharto, 'Explanatory Address of General Suharto, Executor of Decree No. IXMPRS 1966, with Regards to the Safeguarding of the Implementation of Decree No. XXXIII/MPRS 1967'. dlm. O.G. Roeder, *The Smiling General*, Gunung Agung Ltd., Djakarta, 1969, bahagian Selected Documents, hlm. 242. Lihat juga, Dr. A.H. Nasution, *Suatu Pemikiran Kembali Dalam Meneruskan Perjuangan Order Baru*, kumpulan ceramah oleh beliau (1973), terutamanya bahagian 'Pengantar', hlm. 3 Bagi perbincangan yang lebih lanjut, lihat juga makalah oleh Lance Castle, "Economic Recovery Under the New Order: Miracle or Illusion?" dlm., Oey Hong Lee (ed.), *Indonesia After 1971 Elections*, Hull Monographs of Southeast Asia, no. 5, Hull, 1974, hlm. 97-111. Juga makalah oleh Clifford Geerts, 'Afterwords: The Politics of Meaning', dlm. Claire Holt (ed.), *Culture and Politics in Indonesia*, Cornell University Press, Ithaca, 1972, hlm. 319-335, yang mencuba menunjukkan wujudnya beberapa berterusan dari ORLA ke ORBA.

²⁵Lihat misalnya, T.B. Bottomore & Maximilien Rubel (ed.), *Karl Marx: Selected Writings in Sociology and Social Philosophy*, Pelican books, 1965, hlm. 41. Lihat juga, George H. Sabine, *A History of Political Theory*, Oxford & IBH Publishing Co., Calcutta 1968, hlm. 764.

²⁶Bagaimanapun keadaan ini merujuk kepada keadaan sejarah itu sebagai masa lalu, seperti adanya. Tetapi apabila sejarah itu ditinjau dari sudut sebagai ilmu, mahupun sebagai pengetahuan manusia tentang masa lalu, maka adakalanya sejarah itu boleh terputus dengan sendirinya, iaitu akibat hilangnya ataupun tiadanya bahan ataupun dokumen yang boleh digunakan bagi merujuk dan mengetahui sesuatu peristiwa di dalam sesuatu zaman itu. Benedetto Croce pernah menyuarakan perkara ini di dalam bukunya yang berjudul, *History: Its Theory and Practice*, authorised translation by Douglas Ainslie Harcour, Brace & Co., New York, 1923, hlm. 14. Lihat juga, Wang Gungwu, *The Use of History*, hlm. 1.